

IZAAN AZALAN & ASSOCIATES

Peguam Syarie | Peguam Bela & Peguam Cara

RAKAN STRATEGIK
UNDANG-UNDANG SYARIAH DAN SIVIL ANDA

Izaan Azalan & Associates merupakan sebuah firma guaman yang ditubuhkan pada tahun **2018** dan berpangkalan di Denai Alam, Shah Alam, Selangor.

Kami menyediakan perkhidmatan perundangan yang merangkumi litigasi Syariah, Sivil dan Jenayah serta perancangan dan pentadbiran harta pusaka. Kami turut menawarkan khidmat berkaitan perlindungan Takaful Am melalui kapasiti sebagai Ejen Takaful Am.

Setiap kes mempunyai fakta, cabaran dan keperluan yang tersendiri. Pendekatan kami bermula dengan memahami permasalahan anak guam, menilai isu secara kritikal dan merangka strategi perundangan yang bersesuaian.

Berteraskan prinsip **Ketelusan, Kecekapan dan Kepercayaan**, kami komited untuk melindungi hak dan kepentingan anak guam serta memperjuangkan keadilan berlandaskan undang-undang dan integriti profesional.

KETELUSAN. KECEKAPAN. KEPERCAYAAN.

PENGASAS FIRMA

TUAN MUHAMMAD IZAAN BIN AZALAN
PENGASAS FIRMA

Beliau telah beramal sebagai Peguam Syarie sejak tahun 2014 dan memegang tauliah di semua negeri di Semenanjung Malaysia (kecuali Terengganu), serta bertindak sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara sejak tahun 2022.

Dengan pengalaman lebicih 10 tahun, beliau mempunyai kepakaran luas dalam mengendalikan urusan guaman di Mahkamah Syariah, Pejabat Pusaka Kecil dan Amanah Raya. Beliau juga aktif menguruskan kes-kes Sivil yang melibatkan tuntutan kontrak, kecuaian, dan pelbagai prosiding lain di Mahkamah Sivil.

PASUKAN KAMI

NURAZIAH SANIF
PEGUAM SYARIE

Peguam Syarie berdaftar di Wilayah Persekutuan, Perak dan Pulau Pinang sejak tahun 2023. Beliau telah menjalani latihan sebagai pelatih kamar di bawah bimbingan Tuan Izaan Azalan dan kini beramal sepenuhnya di bawah firma Izaan Azalan & Associates. Beliau mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam urusan pengurusan pusaka di Pejabat Pusaka Kecil serta pengendalian prosiding litigasi di Mahkamah Syariah.

HANISAH RANI
PEGUAM SYARIE

Peguam Syarie di Negeri Sembilan sejak tahun 2026. Beliau telah menjalani latihan sebagai pelatih dalam kamar di bawah firma Izaan Azalan & Associates dan kini beramal sepenuhnya di bawah firma. Beliau mempunyai pengalaman dalam pengendalian prosiding dan rundingan di Mahkamah Syariah.

BIDANG PERKHIDMATAN



LITIGASI SYARIAH

Mewakili pelanggan dalam pelbagai prosiding di Mahkamah Syariah dengan pendekatan yang praktikal dan berkesan.

- Perceraian
- Pengesahan Lafaz Cerai
- Fasakh, Taklik, Khuluk
- Hadhanah
- Nafkah Isteri & Anak
- Harta Sepencarian
- Mutaah
- Penguatkuasaan Perintah Mahkamah
- Lain-lain prosiding berkaitan



LITIGASI SIVIL & JENAYAH

Menyediakan khidmat guaman bagi individu dan syarikat dalam pelbagai pertikaian sama ada melalui prosiding mahkamah atau rundingan.

- Tuntutan Kemalangan Jalan Raya
- Pelanggaran Kontrak
- Tuntutan Hutang
- Pertikaian Hartanah
- Kecuaian
- Tindakan Sivil Lain
- Kes Jenayah (terpilih)
- Rundingan & Penyelesaian Pertikaian



PERANCANGAN & PENTADBIRAN HARTA PUSAKA

Membantu pentadbiran dan perancangan harta secara menyeluruh mengikut peruntukan undang-undang yang teratur.

- Hibah
- Wasiat
- Faraid
- Surat Kuasa Mentadbir
- Probet
- Pejabat Pusaka Kecil
- Amanah Raya
- Pembahagian Harta



EJEN TAKAFUL AM

Menyediakan khidmat perundingan dan pengaturan perlindungan Takaful Am yang sesuai dengan keperluan individu dan perniagaan.

- Takaful Kenderaan (Motor & Kereta)
- Perlindungan Kemalangan Diri
- Perlindungan Kediaman
- Perlindungan Perjalanan
- Takaful Perniagaan
- Lain-lain produk Takaful Am

HUBUNGI KAMI

ALAMAT
A-08-19, Habitus (DENAI),
Taman Bukit Subang, 128,
Persiaran Metafasa,
Denai Alam, 40160
Shah Alam, Selangor

TELEFON PEJABAT
+603-5526 7715

FAKS PEJABAT
+603-5526 7601

E-MEL
izaanazalan associates
@gmail.com